

Malaysia perkukuh industri Halal

Kerajaan laksana pelbagai inisiatif memposisikan sektor sebagai model ekonomi sejagat

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita @bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia akan terus memposisikan Halal sebagai model ekonomi sejagat dan menjadikannya sebahagian daripada perbincangan dua hala antara pemimpin, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menekankan, ketika ini pemacu pertumbuhan industri Halal adalah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Katanya, Malaysia mempunyai hampir 10,000 syarikat dengan lebih 80 peratus terdiri daripada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sudah diperakui oleh JAKIM berdasarkan pematuhan mereka terhadap standard Halal yang menyeluruh.

“Oleh itu, Kerajaan MADANI

akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif strategik bagi memperkukuh peranan serta kedudukan mereka dalam pasaran global.

“Sebagai contoh, pada Forum Kazan yang lalu, saya tekankan kepakaran Malaysia dalam penjaminan Halal dan menawarkan sokongan untuk memperkukuh standard Halal di peringkat global. Pada Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS di Brazil, saya gesa syarikat-syarikat Brazil dan Malaysia untuk merebut peluang perniagaan dalam industri Halal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sidang Kemuncak Halal Global (GHaS) 2025 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC), semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Anwar berkata, ketika ini pa-



Anwar bersama Ahmad Zahid beramah mesra dengan usahawan dari Indonesia ketika melawat reruai pameran produk halal selepas Sidang Kemuncak Halal Global (GHaS) 2025 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

saran Halal global bernilai lebih RM16.02 trilion dan dijangka mencecah RM22.88 trilion menjelang 2030.

Pelan Induk Industri Halal

Sehubungan itu, katanya Pelan Induk Industri Halal 2030 dan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 akan menggariskan hala tuju yang jelas bagi memposisikan Malaysia sebagai hab Halal terkemuka dunia.

“Eksport produk dan perkhid-

matan Halal dijangka mencecah RM80 bilion menjelang 2030.

“Sebagai pulangan, sektor ini dijangka menyumbang sebanyak RM231 bilion, iaitu 10.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menjelang 2030, didorong oleh permintaan kukuh dalam sektor makanan, kewangan dan pelancongan,” katanya.

Dalam ucapannya, Anwar berkata, sehingga kini Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan te-

ratas dalam Global Islamic Economy Indicator (GIEI) selama 11 tahun berturut-turut.

“Malaysia mengekalkan kedudukan teratas selama 11 tahun berturut-turut bukan sahaja hasil sokongan industri dan kementerian tempatan, tetapi juga berkat sokongan anda semua dari pelbagai negara.

“Keunggulan Malaysia jelas terbukti dalam bidang kewangan Islam, makanan halal serta media dan rekreasi,” katanya.